

RINGKASAN EKSEKUTIF

RANCANGAN PENGURUSAN HUTAN, KAJIAN SEPARA PENGGAL 2021-2025

Rancangan Pengurusan Hutan (RPH) Negeri Sembilan bagi tempoh 2016 hingga 2025 yang disediakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 4, Akta Perhutanan Negara 1984 yang menyatakan bahawa Pengarah Perhutanan Negeri hendaklah *“menyebabkan supaya disedia dan dilaksanakan rancangan pengurusan hutan negeri yang hendaklah menyatakan kebenaran menebang sama ada dalam bentuk isipadu atau luas kawasan mengikut prinsip perolehan berkekalan”*. Di samping itu, penyediaan Kajian Separa Penggal RPH Negeri Sembilan bagi tempoh 2021 hingga 2025 adalah bagi menilai pencapaian sebenar aktiviti-aktiviti yang digariskan dan mengenalpasti kekurangan serta kelemahan strategi sedia ada untuk dijadikan asas kepada penambahbaikan strategi baru bagi mencapai objektif pengurusan hutan. Penyediaan Kajian Separa Penggal RPH ini adalah di bawah skop pengurusan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) sahaja.

Kajian Separa Penggal RPH yang disediakan ini merupakan sebuah dokumen rujukan asas bagi pihak pengurusan hutan di peringkat negeri yang menyediakan perancangan pembangunan jangka masa panjang bagi tempoh lima (5) tahun akan datang dari aspek ekonomi, fizikal, sosial dan alam sekitar. Kajian Separa Penggal RPH ini menyediakan senarai komprehensif aktiviti-aktiviti dan strategi yang akan dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan dalam usaha menguruskan dan membangunkan sumber hutan di negeri ini termasuklah langkah-langkah untuk mengawal pembukaan kawasan pengusahaan, mempertingkatkan hasil keluaran hutan, memperkukuhkan kesejahteraan sosio ekonomi dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi melalui eko pelancongan di samping mengambil kira keperluan kriteria dan petunjuk bagi Pensijilan Pengurusan Hutan MC&I (SFM).

Matlamat penyediaan Kajian Separa Penggal RPH ini adalah seperti di berikut:

- Menyediakan satu pelan Rancangan Pengurusan Hutan bagi tempoh lima (5) tahun iaitu antara tahun 2021 – 2025 sebagai rujukan kepada pihak pengurusan dan kakitangan; dan
- Menggariskan strategi pelaksanaan pengurusan hutan di kawasan HSK dengan mengambil kira aspek sosial, ekonomi dan alam sekitar serta mengoptimumkan penggunaan sumber hutan dan perkhidmatan hutan.

Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan (JPNNS) adalah bertanggungjawab untuk mentadbir, mengurus, memelihara dan membangunkan sumber hutan secara berkekalan di negeri ini. Sehubungan itu, bagi mencapai keunggulan dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut, JPNNS ditadbir berdasarkan kepada pembahagian tiga (3) daerah hutan iaitu Negeri Sembilan Barat, Negeri Sembilan Timur dan Negeri Sembilan Utara.

Kawasan HSK di Negeri Sembilan pada tahun 2020 adalah seluas 155,143.29 hektar iaitu merangkumi $\pm 23\%$ daripada keluasan tanah negeri. Terdapat 22 kawasan HSK yang telah diwartakan yang terdiri daripada Hutan Darat seluas 155,042.22 hektar dan Hutan Paya Laut seluas 101.07 hektar. Berdasarkan Seksyen 10(1), Akta Perhutanan Negara 1984, kawasan HSK perlu dikelaskan sebagai salah satu atau lebih mengikut Kelas Fungsi Hutan. Pengelasan hutan sehingga tahun 2020 yang telah diwartakan dan cadangan Pengelasan baru dalam tempoh RPH ini adalah seperti berikut:

Bil.	Pengelasan Hutan	Luas Diwarta (ha)
1	Hutan Pengeluaran Kayu Di Bawah Perolehan Berkekalan	95,652
2	Hutan Perlindungan Tanah	0
3	Hutan Tebus guna Tanah	0
4	Hutan Kawalan Banjir	0
5	Hutan Tadahan Air	51,020
6	Hutan Perlindungan Hidupan Liar	9,036
7	Hutan Simpanan Hutan Dara	3,802
8	Hutan Lipur	2,969.90
9	Hutan Pelajaran	9,173
10	Hutan Penyelidikan	2,987
11	Hutan Bagi Maksud-maksud Persekutuan	0
12	Hutan Taman Negeri	0

Berdasarkan Pengelasan di atas, seluas 95,652 hektar kawasan HSK dikelaskan sebagai Hutan Pengeluaran Kayu Di Bawah Perolehan Berkekalan iaitu $\pm 61\%$ manakala $\pm 39\%$ dikelaskan sebagai Hutan Perlindungan. Aktiviti pengusahaan kayu balak di kawasan Hutan Pengeluaran dijalankan secara Sistem Pengurusan Memilih [*Selective Management System (SMS)*] dan dilaksanakan melalui kaedah Pembalakan Berimpak Rendah [*Reduced Impact Logging (RIL)*]. Di samping itu, pembukaan kawasan pengusahaan di kawasan HSK dikawal melalui Catuan Tebangan Tahunan (CTT) yang diluluskan oleh Majlis Tanah Negara

(MTN). CTT yang ditetapkan untuk Negeri Sembilan bagi tempoh RMKe-11(2016-2020) adalah seluas 2,397 hektar/tahun manakala CTT bagi tempoh RMKe-12 (2021-2025) adalah seluas 2,000 hektar/tahun. Langkah-langkah kawalan, pencegahan dan pemantauan perlu dilaksanakan semasa aktiviti pengusahaan dijalankan bagi mengurangkan kesan kepada alam sekitar dan dirian tinggal. Langkah-langkah mitigasi telah diperincikan dalam RPH ini semasa aktiviti pengusahaan dijalankan di samping mematuhi keperluan standard MC&I (SFM) dan MS ISO 9001:2015.

Penilaian impak sosial bagi kawasan pengusahaan dalam HSK adalah perlu dilaksanakan di setiap kawasan pengusahaan yang telah diluluskan. Ini bagi memastikan pandangan masyarakat yang tinggal berhampiran kawasan pengusahaan diambilkira dan dipandang berat bagi membantu merancang pengurusan hutan di masa hadapan, selain memastikan pelaksanaan aktiviti pengusahaan adalah berlandaskan peraturan dan undang-undang semasa yang berkuatkuasa. Sehubungan dengan itu, penilaian terhadap maklum balas Borang Penilaian Impak Sosial Kawasan Pengusahaan dalam HSK di Negeri Sembilan bagi aktiviti sebelum, semasa dan selepas pengusahaan dilaksanakan bagi semua kawasan pengusahaan dalam HSK.

Negeri Sembilan juga kaya dengan kepelbagaian biodiversiti flora dan fauna terutamanya melibatkan kawasan HSK. Maklumat penemuan kepelbagaian biodiversiti flora dan fauna ini diperolehi melalui kajian-kajian yang dijalankan oleh penyelidik dari dalam dan luar negara serta beberapa ekspedisi saintifik yang dijalankan di kawasan HSK di Negeri Sembilan. Dalam tempoh RPH ini, pemeliharaan dan pemuliharaan kepelbagaian biologi terus diberi penekanan. Bagi maksud ini tiga (3) kawasan Hutan Yang Mempunyai Nilai Pemeliharaan Yang Tinggi [*High Value Conservation Forest (HCVF)*] telah ditubuhkan iaitu Hutan Simpan Sg. Menyala, Hutan Simpan Setul dan Hutan Simpan Gunung Tampin akan terus dipelihara. Hutan Simpan Sungai Menyala mengandungi dirian Hutan Dipterokarpa Pamah (*Lowland Dipterocarp Forest*) yang unik manakala Kompartmen 4 Hutan Simpan Setul mempunyai spesies endemik yang jarang dijumpai iaitu *Vatica yeechogii* (Resak) dan Kompartmen 31 Hutan Simpan Gunung Tampin mempunyai spesies endemik *Begonia tampinica* (Asam batu) yang tidak terdapat di mana-mana lokasi lain. Oleh itu, matlamat pengurusan kawasan HCVF ini adalah untuk diurus, dipulihara dan dilindungi sepenuhnya agar kandungan dan fungsi kawasan tersebut dapat dikekalkan. Di samping itu, di Negeri Sembilan juga terlibat dengan rangkaian koridor ekologi *Central Forest Spine (CFS)* yang diwujudkan untuk menghubungkan fragmentasi hutan yang terputus iaitu di kawasan N-SL1: HS Triang, N-SL2: HS Angsi - Berembun dan N-SL3: HS Kenaboi.

Program/ Projek Rawatan Silvikultur dan Penghutan Semula akan terus dijalankan ke atas kawasan HSK yang telah diusahail dan miskin bagi memulihkan kawasan-kawasan berkenaan bersesuaian dengan konsep sumber yang boleh diperbaharui (*renewable resource*). Ke arah ini JPNNS mendokong segala usaha ke arah meningkatkan kadar survival, tumbesaran dan penghasilan serta kualiti dirian pokok muda dan regenerasi dipterokarpa dan bukan- dipterokarpa yang bolehniaga.

Antara tindakan pelaksanaan pencegahan dan pengawalan kebakaran di dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) adalah seperti menggerakkan Pasukan Semut Merah bekerjasama dengan Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) dan Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia), menyediakan peralatan pencegahan kebakaran hutan kepada Pasukan Semut Merah untuk digunakan semasa operasi pencegahan kebakaran hutan berlaku dan bekerjasama dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Jabatan Alam Sekitar di peringkat negeri bagi mengadakan Kempen Pencegahan Kebakaran Hutan kepada masyarakat umum di negeri- negeri terhadap kerosakan dan kehilangan biodiversiti hutan akibat kebakaran hutan.

Hutan bukan sahaja membekalkan barangan tetapi juga memberikan perkhidmatan kepada manusia terutamanya bagi tujuan riadah dan rekreasi. Bagi tujuan ini, di Negeri Sembilan terdapat 11 hutan lipur yang telah diwartakan dan pelbagai prasarana telah dibangunkan untuk kemudahan dan keselesaan orang ramai. Selain daripada hutan lipur, terdapat produk pelancongan lain yang telah ditubuhkan di Negeri Sembilan iaitu PD Forest @ Sg. Menyala dan Taman Negeri Kenaboi.

PD Forest @ Sg. Menyala akan dipertingkatkan untuk kemudahan pengunjung dan pembangunannya menggabungkan elemen-elemen alami, sejarah, nilai pendidikan dan konservasi. Fokus pembangunan adalah untuk menjadikannya salah satu destinasi mesti lawat di Negeri Sembilan. Di samping itu, kawasan Taman Negeri Kenaboi juga telah dikenalpasti sebagai kawasan penting untuk pembangunan eko- pelancongan yang diberi penekanan dalam Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045.

Industri berasas kayu merupakan pengguna utama sumber hutan untuk menghasilkan produk nilai tambah yang tinggi. Di Negeri Sembilan terdapat beberapa jenis industri yang memproses kayu balak dan keluaran kayu lain serta hasil hutan bukan kayu. Bilangan kilang pemprosesan utama (kilang papan/kilang papan lapis/kilang venir) yang beroperasi pada tahun 2020 adalah sebanyak 30 berbanding 37 yang berlesen. Manakala kilang pemprosesan hiliran yang beroperasi adalah sebanyak 57 berbanding 75 yang berlesen. Kekurangan bekalan bahan mentah kayu dan peningkatan kos operasi menyebabkan sebahagian daripada kilang yang dilesenkan tidak dapat beroperasi. Walau bagaimanapun di dalam tempoh RPH ini, penumpuan akan diberikan kepada industri berasas kayu supaya ia terus memainkan peranan dalam pembangunan ekonomi Negeri Sembilan dari segi menyumbang kepada hasil negeri dan peluang pekerjaan.

Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan amat perihatin terhadap kesinambungan dan kemajuan kualiti kehidupan komuniti Orang Asli yang menggunakan sebahagian kawasan dan sumber hutan. Sehubungan dengan ini pihak Jabatan akan mengenalpasti, mengurus dan memelihara kawasan-kawasan yang disifatkan istimewa oleh komuniti Orang Asli seiring dengan amalan terbaik pengurusan hutan. Komuniti Orang Asli di Negeri Sembilan kebanyakannya tinggal terpencil terutama dipinggir kawasan berhutan dan bertaburan di serata negeri. Di Negeri Sembilan sebahagian kecil sahaja Orang Asli yang masih bergantung hidup kepada hasil hutan seperti rotan, gaharu, rebung buluh, daun pisang, petai, durian, tumbuhan aroma dan ubatan serta memburu hidupan liar.

Bagi melaksanakan tanggungjawab mengurus sumber hutan di negeri ini dengan berkesan dalam tempoh RPH ini, penyediaan tenaga sumber manusia dan kewangan secukupnya sangat penting. Bilangan perjawatan bagi JPNNS adalah seramai 298 orang bagi pelbagai jawatan kumpulan profesional dan sokongan. Walau bagaimanapun sehingga tahun 2020 terdapat kekosongan jawatan bagi kumpulan sokongan seramai 32 orang daripada 284 perjawatan. Jawatan-jawatan kosong ini perlu diisi terutamanya bagi jawatan Pengawas Hutan dan Pekerja Awam Khas untuk menjamin kelancaran pentadbiran. Di samping itu, pembangunan, penyelenggaraan infrastruktur dan logistik merupakan aktiviti sokongan yang penting dalam menjamin pelaksanaan program dan aktiviti yang dirancang dalam tempoh Kajian Separa Penggal RPH ini dapat berjalan dengan jayanya.

Pemegang taruh memainkan peranan yang penting dalam memastikan kejayaan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (PHSB). Oleh yang demikian, PHSB perlu melibatkan pelbagai pihak bagi mewujudkan suatu hubungan kerjasama yang harmoni ke arah memelihara khazanah hutan dengan baik. Secara spesifiknya, pemegang taruh adalah orang-orang perseorangan dan organisasi yang terlibat secara aktif atau pihak yang mempunyai kepentingan yang terlibat secara positif atau negatif dan boleh memberi kesan kepada pelaksanaan PHSB. Keberkesanan penglibatan pemegang taruh adalah salah satu penentu utama kepada kejayaan PHSB.

Secara amnya, strategi pembangunan hutan yang dirangka untuk RPH ini akan memberi fokus kepada pengeluaran secara berkekalan barangan dan perkhidmatan hutan untuk mencapai pengeluaran yang optimum kepada pembangunan sosio-ekonomi negeri di samping pemeliharaan alam sekitar. RPH yang disediakan ini merupakan sebuah dokumen yang akan digunakan sebagai asas rujukan untuk mengurus, mentadbir dan membangunkan sumber hutan di Negeri Sembilan.